

LABIRIN

Suram. Gelap. Sepi.

Adam memandang sekeliling dengan segenap rasa gerun yang perlahan-lahan merangkak lalu menawaninya dengan tangkas. Begitu tangkas sambaran rasa gerun itu sehingga Adam berasa sukar untuk bernaarkupfas. Matanya liar memantau keadaan di sekeliling, nafasnya tercungap-cungap seakan dia baru sahaja selesai berlari dalam satu perlumbaan yang panjang dan telinganya semakin peka mencuri dengar dari isyarat-isyarat pergerakan.

Adam tidak tahu bagaimana dia tercampak ke alam ini. Sungguh menakutkan. Bulu roma Adam tegak berdiri, merinding. Semakin dia cuba mengimbas kembali, semakin berat terasa kepalanya.

“Aduh!” Adam mengerang. Matanya terpejam. Wajahnya pucat. Fikirannya semakin kusut. Terlalu kusut.

Tiba-tiba...

Adam membuka matanya apabila dia terdengar bunyi dengusan yang berat. Diamati bunyi tersebut. Peluh dingin mulai membasahi dahinya. Tangannya terasa dingin. Dingin ketakutan.

Gugup. Adam bangun lalu cuba mengikuti bunyi itu. Lorong yang dilaluinya begitu lurus dan memanjang. Kiri kanan dihiasi dengan tembok tinggi yang kaku

membatu ngeri. Sekelilingnya gelap. Tiada cahaya. Adam terus berjalan. Perlahan-lahan. Tanpa senjata. Perlahan-lahan. Dalam waspada.

Entah berapa lama dia telah berjalan, Adam tidak tahu namun kakinya semakin lemah dan teramat lelah. Bunyi dengusan itu juga sudah ghaib. Adam pun duduk untuk berehat seketika. Namun kelelahan telah membuat matanya berontak untuk lelap. Adam cuba bertahan sedaya upaya.

Tiba-tiba, Adam melihat dirinya terjatuh ke dalam pusaran gelap yang berkitar-kitar tanpa penghujungnya. Semakin dalam. Semakin dalam dirasa. Raungan Adam menerkam setiap sepi yang bergema.

“Aaaarrggghhhhh!...”

“Bangun! Bangun! Bangun!” terdengar seseorang mengejutnya.

Sepintas kilat, Adam bangun terduduk. Matanya terbeliak melihat satu makhluk yang aneh di hadapannya! Dia menggeletar ketakutan. Hampir sahaja dia terkencing, mujur dia dapat mengawal rasa gerun itu dengan pantas.

Adam dengan mata sebesar guli memandang susuk di hadapannya. Rambutnya penuh dengan ular. Ular yang berlidah cabang dengan galak berdesis memberi amaran. Wajah makhluk itu cantik, tidak hodoh tetapi matanya dibalut. Buta?!

“Engkau... Medusa?” tanya Adam, suaranya menggigil.

“Ya. Eh, bagaimanakah engkau mengenal aku? Siapakah engkau?” balas makhluk yang bernama Medusa. Semakin kuat ular-ular di kepalanya berdesis marah.

“Mustahil engkau wujud! Bukankah Medusa itu satu mitos?” Adam semakin bingung. Dia tatap wajah Medusa yang cantik itu. Ada pancaran aura kehijauan di

wajahnya. Aura itu membuat Adam tertarik dan seakan tersihir. Mujur, kekuatan batin Adam dapat melawannya.

Medusa memberi senyuman sayu. Jelas kelihatan wajahnya yang sugul. Dia memandang ke arah Adam dengan penuh tanda tanya dan terpancar kesinggungan yang menghiris kalbunya. Ular-ular di kepala Medusa menari-nari sambil berdesis seakan turut sibuk mengata tentang Adam.

“Jujur, aku pun tidak tahu bagaimana aku tiba-tiba ‘wujud’. Yang aku tahu, aku seakan tersedar dari sebuah mimpi yang sangat mengerikan, sepertinya, pada waktu itu... mataku terpejam sesaat, aku dapat rasai cengkaman malaikat maut merentap nyawaku dengan ganas. Sakitnya... tidak dapat aku gambarkan dengan kata-kata. Anehnya, saat mataku tercelik, aku sudah berada di sini. Semuanya gelap. Aku pun bingung...,” balas Medusa.

“Gelap? Sebab matamu dibalut. Mengapa dibalut?” tanya Adam, kali ini dengan lembut. Mungkin timbul rasa simpati akan nasib Medusa.

“Kali terakhir aku ingat adalah... aku menerima kutukan daripada seorang dewi yang angkuh, setiap kupandang menjadi batu. Aku balut mataku kerana tidak mahu ada yang menerima nasib yang serupa.”

Adam dan Medusa pun diam. Masing-masing cuba sedaya-upaya mengingati jejak-jejak lampau yang semakin kabur. Mereka hanyut dalam kesepian apabila...

Dalam sekilas saat, muncul di hadapan mereka satu makhluk yang paling aneh. Adam bertambah keliru melihat makhluk aneh yang berdiri di hadapannya. Makhluk itu bersayap, tinggi lampai dan berbadan sasa. Dia benar-benar tidak tahu siapa atau jenis apa makhluk itu. Ikarus? Tidak mungkin kerana dia benar-benar bersayap! Malaikat? Mustahil!

“Engkau takut? Akulah Al-Maut,” katanya pendek.

Medusa hanya diam. Dari raut wajahnya, Adam yakin, Medusa sama sekali tidak mengenali makhluk yang aneh ini. Adam cuba berdiri. Ah, ternyata lelaki itu memang tinggi.

“Aku Adam. Gadis ini Medusa. Kami berdua tidak tahu bagaimana dan di mana kami berada,” jawab Adam. Kali ini, rasa takutnya mulai kendur. Segala takut yang berakar seakan sudah tercabut dengan setiap kejutan yang menamparnya pada pagi itu.

Al-Maut tersenyum. Matanya bersinar. Dia merenung Adam dengan tajam.

“Aku tahu. Kita berada di sebuah labirin. Aku menunggu Minotaur. Aku perlukan dia!” Al-Maut bersuara dengan tegas.

“Minotaur? Apa ni? Gilakah?” kata-kata itu terkeluar dari mulut Adam. Semakin bingung Adam. Semakin kusut fikirannya.

Minotaur hanya mitos. Medusa juga. Apakah dia sudah terperangkap dalam sebuah buku ajaib seperti dalam filem-filem Barat yang pernah ditontoninya? Apakah mungkin ini semua ilusi, bayangan-bayangan yang direka, terbit dari kekusutan minda yang ingin lari dari labirin permasalahan hidup nan penuh tekanan!?

“Tidak, Adam! Ini semua nyata. Engkau, manusia terpilih,” tiba-tiba Al-Maut berkata seakan menjawab setiap persoalan yang terbentuk dalam mindanya.

“Begitu juga, Medusa! Minotaur pun. Aku butuh bantuan kalian untuk misi ini. Misi yang sudah lama aku nanti-nantikan. Jangan khawatir, akan aku jelaskan apabila kita bertemu Minotaur,” kata Al-Maut.

Terpinga-pinga Adam mendengar kata-kata Al-Maut yang sukar untuk dia fahami. Dia memandang Medusa yang masih mendiamkan diri. Entah mengapa,

Medusa tiba-tiba menjadi bisu. Lebih suka mendengar dan mendinginkan diri, sepertinya dia tahu akan misi yang diperkatakan Al-Maut.

“Ayuh, ikut aku!” perintah Al-Maut, mematikan sekian senyap.

Tanpa membantah, Medusa berdiri lalu menyentuh tangan Al-Maut. Al-Maut memegang tangan halus Medusa dengan erat. Mereka berjalan. Adam mengikuti dari belakang, otaknya masih cuba memahami segala kejadian yang berlaku.

Perjalanan yang berliku dan simpang-siur membuat kepala Adam berpusing macam gasing. Dia berhenti sejenak. Berehat sesaat tetapi terpaksa berlari mengejar Al-Maut. Yang pasti, dia tidak mahu berada di labirin atau tersesat seorang diri!

“Berhenti! Aku dapat menghidu Minotaur!” bisik Medusa.

Adam tercengang. Al-Maut menganggukkan kepala lalu berdiri di hadapan Medusa. Adam dengan segera mendekati Medusa. Rasa takut menyelinap perlahan-lahan. Medusa menepuk-nepuk bahu Adam, seakan tahu perasaan yang menimpa Adam.

“Jangan takut, Adam. Minotaur itu tidak merbahaya. Aku dapat rasakan itu,” bisik Medusa dengan lembut. Adam hanya mengangguk-angguk kepalanya sahaja.

Dengusan nafas yang kuat menerpa ruang sempit lorong yang mereka berdiri. Adam hanya ternampak sepasang tanduk yang besar. Mata Adam terbeliak. Minotaurkah itu?

“Selamat datang. Minotaur! Aku menanti ketibaan kamu, sahabat!” suara Al-Maut yang garau menyambut kedatangan Minotaur bersama satu dakapan yang hangat dan mesra. Semakin melopong mulut Adam menyaksikannya.

“Anak manusia ini bernama Adam,” kata Al-Maut memperkenalkan Minotaur kepada Adam.

Wajah Minotaur, tubuhnya yang separuh manusia dan lembu jantan yang galak membuat Adam memandangnya dengan rasa takjub dan teruja. Melihat wajah Adam, Minotaur dan Al-Maut ketawa. Deraian tawa mereka yang kuat menyentak kesedaran Adam. Adam tersipu malu.

“Hahahaha... jangan khawatir, wahai anak manusia. Aku tidak seperti yang engkau sangkakan. Mari sini,” kata Minotaur dengan suaranya yang garau. Dia memeluk Adam dengan teramat kuat sehingga sukar untuk Adam bernafas.

Dekahan tawa Al-Maut dan Minotaur semakin menggempap apabila mereka melihat keadaan Adam yang jelas memaparkan ketakutan yang amat. Setelah melepaskan pelukan maut Minotaur, Adam bernafas dengan lega, ditatapnya wajah-wajah makhluk aneh di hadapannya. Sukar baginya untuk berpijak di bumi nyata. Terdetik dalam hatinya, apakah Zeus pula akan muncul dengan halilintarnya!

“Hahahaha... begitu jauh engkau membawa khayalanmu itu, Adam. Tidak, Zeus tidak wujud!” sampuk Al-Maut mengusik Adam. Adam membeliakkan mata kemudian tersipu malu. Ternyata Al-Maut boleh membaca fikirannya. Medusa tersenyum apabila mendengar kata-kata Al-Maut lalu dengan lembut, memegang erat tangan Adam. Sentuhan Medusa membawa getaran yang asyik bak arus elektrik, menderu laju ke jantungnya.

Kemudian, Al-Maut menyuruh mereka semua duduk dalam satu bulatan. Memang agak payah memandangkan lorong itu agak sempit. Mungkin Al-Maut mahu mereka duduk rapat-rapat agar setiap perbicaraannya dapat mereka dengar dengan jelas.

“Adam, Medusa dan Minotaur ialah hasil ciptaan genetik, hibrid antara haiwan dan manusia. Aku yakin engkau lebih arif mengenai ini kerana itu bidang yang engkau ceburi, bukan?” Al-Maut tanpa basa-basi mengatakan kedudukan perkara yang sebenar.

Adam semakin musykil. Bingung. Bertambah bingung.

“Mungkin... memori yang tersimpan dalam mindamu sudah terpadam oleh Tramp, penguasa dunia yang gila. Engkau telah berjaya memecah kod-kod rahsia Tuhan dalam DNA. Engkau, Adam telah menemui rahsia penciptaan yang paling penting dalam dunia sains dan teknologi. Dan mereka, Medusa dan Minotaur ialah hasil daripada ‘ciptaan’mu, Adam,” suara Al-Maut semakin merendah. Matanya masih tajam menusuk kalbu Adam, menembusi setiap tujuh lapisan hatinya.

“Ah... tidak mungkin! Mustahil! Aku?” bertalu-talu pertanyaan itu Adam lemparkan kepada Al-Maut.

Airmata mulai bertakung di telaga matanya.

“Ya, Adam. Kajian dan kejayaan kamu telah diketahui Tramp. Bukan itu sahaja, Tramp semakin kemaruk ingin menguasai setiap manusia di muka bumi. Dia telah....,” tiba-tiba Al-Maut berhenti. Matanya menyala marah. Dan dengusan amarah juga dapat Adam rasai daripada Minotaur dan desisan amuk daripada ular-ular Medusa.

“Engkau tahu, Adam. Tramp dalam proses mencipta ‘anak Tuhan’. Engkau tahu siapa itu ‘anak Tuhan’, Adam?” bisik Minotaur. Semakin berdengus nafasnya.

Semua terpaku diam. Adam semakin sesak. Kepalanya berpusing, berputar-putar. Jantungnya berdegup semakin laju. Apakah yang diceritakan benar? Apakah dia penyebab teretusnya peperangan jihad? Mustahil!

Tergamam. Dunia terlalu kelu untuk bersuara. Apakah tidak! Berita yang diterima ibarat satu tamparan besar kepada setiap yang bernyawa...

"Dunia sudah mahu kiamat," begitulah detik setiap bisikan para manusia. Dalam belunggu bingung yang teramat hebat.

Apakah dia benar-benar hilang kewarasan? Apakah dia mencabar kekuasaan Tuhan? Apakah....Satu dunia mendapati sukar untuk mempercayai berita yang disiarkan pada setiap media massa. Ya, Tramp sudah berhasil! Berhasil menjadi tuhan! Dunia mengutuk. Alam semesta turut mengutuk.

"Kita sering ingin jadi tuhan tanpa menyedari, tiada tuhan. Kecuali Allah."

Adam tertunduk. Malu. Rasa malu yang teramat tebal mencoreng di mukanya. Dia benar-benar rasa terkutuk namun nasi sudah menjadi bubur.

"Aku tidak salahkan engkau, Adam. Niat kau murni. Engkau ingin membantu, membasmi setiap virus yang ada, memperpanjangkan hayat manusia dan memberikan kesempatan untuk mereka hidup lebih lama lagi. Tetapi, Adam... engkau lupa! Tanpa kau sedari, kau telah membuka kotak pandora."

Airmata Adam bertakung di penghujung kelopak matanya lalu gugur satu persatu manik-manik penuh sesal. Jauh di lubuk hatinya, Adam beristighfar berkali-kali. Dia benar-benar mahu lenyapkan rasa berdosa yang semakin berat membebani hati dan jiwanya.

Medusa dan Minotaur memandang Al-Maut. Mereka tidak mampu berkata apa-apa. Bagi mereka, kini bukan masa untuk terus karam ke dalam sesal yang tiada

gunanya. Kini, masanya untuk bangkit, berjuang demi menegakkan keadilan dan kebenaran. Demi kemanusiaan juga. Mereka juga sebahagian daripada manusia, mereka juga memiliki naluri kemanusiaan!

Minotaur mendekati Adam. Dia melutut sebelah Adam.

“Adam, tiada guna menangis. Bangun! Ayuh, bangun! Kita sama-sama menghadapi si Tramp! Ini bukan masa merintih dan tergelut dalam ratapan yang sia-sia! Ini masa untuk berjuang!” dengus Minotaur. Adam mengesat airmatanya lalu bangun dengan segera. Benar sekali apa yang diucapkan Minotaur, ini bukan masa untuk meratap sesal, mereka harus bersatu menumpaskan kekuasaan Tramp. Adam harus bertindak dengan segera. Dan dengan bijaksana!

Maka terjadilah satu pertempuran hebat antara Adam, Medusa, Minotaur dan Al-Maut dengan askar robotik Tramp. Masa pertempuran tersebut, Medusa telah membuka balutan matanya, kekuasaan yang luarbiasa dimilikinya mampu mengutuk setiap yang dipandang menjadi batu. Minotaur dengan kekuatan bak Hercules dengan mudah dapat menumpaskan askar-askar robotik itu.

Sementara Medusa dan Minotaur sibuk menghadapi askar-askar Tramp, Al-Maut membawa Adam ke sebuah bangunan yang tinggi, mencakar langit. Dia mengangkat Adam lalu membawanya terbang. Sayapnya yang besar itu membuat Adam terpuakau akan keindahannya. Al-Maut tersenyum melihat wajah takjub Adam biarpun Adam menggigil ketakutan semasa dibawa terbang.

Akhirnya, mereka tiba di makmal sakral Tramp. Adam perlu menghentikan proses kloning yang sedang berlaku. Al-Maut memastikan tiada sesiapa yang akan menghalang kerja Adam atau cuba melukainya. Dia ibarat pengawal peribadi yang sentiasa dalam keadaan berjaga-jaga.

Jantung Adam hampir terhenti apabila dia melihat wajah yang diklon Tramp. Tiba-tiba, semua memorinya mengalir deras dan Adam mulai mengingati semuanya. Apakah Tramp cuba berlagak menjadi... Dajjal? Apakah petaka yang akan menimpa nasib manusia? Klon tersebut, pasti akan mencetuskan peperangan dan mungkin kehancuran tamadun dunia.

Tanpa membuang masa, Adam cuba menghentikan proses tersebut daripada terus selesai dengan berjaya. Namun... manusia hanya merancang, Tuhan menentukan segalanya. Mungkin sudah suratan. Semuanya terlewat...

BBBAAANNNNNGGGGGGGG...

Sebutir peluru melesat tepat ke jantung Adam. Adam rebah. Semuanya menjadi gelap.

Mata lelaki itu telah menyala api kemarahan. Wajahnya yang putih menjadi merah. Semerah ketam yang dimasak. Dengan penuh keangkuhan, dengan suara lantang agar seisi alam mendengar kelancangannya mencabar Tuhan, dia bersuara.

"Ah, Al-Maut, apa yang engkau tahu tentang manusia? Apa yang kau tahu?"

Ini dunia yang berhalakan pada kebendaan, kuasa dan kenamaan! Yang licik mempergunakan yang lain dan bijak menempel kepada mereka nan memiliki kuasa, merekalah sebenar-benarnya KUASA!

Hahahaha... dan engkau berani cuba mengajar aku!?

Engkau tahu, hanya yang berfikiran kolot akan bersabar! Untuk apa bersabar jika kesabaran itu membawa penindasan, maruah tergadai dan akhirnya terceruk kehinaan! Itu BODOH namanya!"

Tawa Tramp menggempa bumi.

Al-Maut hanya tersenyum sinis. Kemudian, dia berjalan ke arah Tramp dengan perlahan sambil menikmati setiap helaan nafas Tramp yang tergetar dalam ketakutan. Rasa takut yang tersembunyi dapat dihidu dengan kuat oleh Al-Maut.

"Lalu, engkau pergunakan Adam? Engkau sengaja padamkan kotak memorinya, engkau wujudkan konflik-konflik dalam dirinya agar dia keliru? Engkau mencuri semua data dan juga kajiannya untuk menjadikan dirimu lebih berkuasa?"

Ah... Tramp! Yang menunjukkan kepandiran ialah diri kau sendiri! Aku tahu muslihat kau! Kau telah menggunakan hibrid haiwan dan manusia untuk mencipta Minotaur, Medusa dan beberapa makhluk lain demi mengukuhkan kekuasaanmu. Engkau masukkan ke dalam minda mereka memori yang engkau ciptakan dari mitos-mitos purba supaya mereka dapat engkau jadikan hamba. Malah engkau telah melanggar etika kemanusiaan apabila... kau klon dia!

Kau fikir aku akan diaman diri, Tramp? Kau fikir aku tidak tahu? Hahahaha... ingat Tramp! Kau. Bukan. Tuhan!"

Renungan mata Al-Maut yang setajam pedang Zulfakar menusuk ke dalam hati Tramp. Kecut. Tramp mendecit. Tramp menggigil ketakutan. Tramp...

"Engkau takut, Tramp?" sindir Al-Maut dengan gerakan tangkas, mengeluarkan pedang kesayangannya.

"Aku tidak gentar, Al-Maut. Engkau sudah terlambat! Lihatlah, aku sudah berjaya menghidupkan Dia, Yang Hidup! Dan dunia akan semakin tunduk kepada

kekuasaanku!” dengan suara yang gementar, Tramp cuba menyelindungi rasa gerunnya.

“Tramp, Tramp...” kata Al-Maut sambil menggeleng-gelengkan kepalanya.

“Al-Maut, memang aku telah membabikan, membinatangkan manusia! Memang aku berjaya membinatangkan manusia! Memang dasar manusia yang tidak kenal untung! Ini balasan mereka mendustai setiap kata-kata Tuhan! Aku hanya manfaatkannya sahaja! Bukan salah aku! Salahkan mereka!” jerit Tramp.

Al-Maut menutup matanya. Lalu, dengan sekali hayun, bercerailah raga dari kepala Tramp. Selepas itu, Al-Maut memenggal juga kepala klon yang hampir hidup itu. Pedang Zulfakar sudah tercemar darah-darah pendosa. Al-Maut memandang Adam. Dia melutut di sebelah Adam, memegang dada Adam yang terluka. Dengan membaca surah al-Kahfi sambil meletakkan tangannya ke bahagian luka, Al-Maut menutup mata.

Adam terjaga dari sebuah lena yang panjang. Peluh dingin mengalir di dahinya. Dia melihat sekeliling. Ya, dia berada di makmalnya. Tiba-tiba, dia terpandang kalendar di atas meja. Tahun 2017...

Adam terkebil-kebil. Jantungnya berdegup laju. Apakah ini semua mimpi? Apakah penemuannya merupakan satu petaka yang bakal menghancurkan semua? Kepala Adam terasa sangat berat dan berputar ligat dengan soalan demi soalan.

“Adam,” terdengar namanya dipanggil.

Adam menoleh ke belakang dan tersentak. Matanya terbeliak. Jantungnya semakin lemah berdegup.

“Bukan mimpi. Semua nyata. Apakah engkau akan membuka kotak pandora sekali lagi?” sambil tersenyum, matanya bersinar, Al-Maut merenung tepat ke mata Adam.

Nafas Adam menjadi sesak. Semakin sukar bernafas. Semua pandangannya berputar. Berpusing. Pusing. Dan Adam rebah. Dadanya turun naik. Al-Maut tersenyum. Senyumannya memanjang.

(2507 patah perkataan)

TAMAT